



PEJABAT TIMBALAN KETUA PENGARAH PENDIDIKAN MALAYSIA  
OFFICE OF DEPUTY DIRECTOR-GENERAL OF EDUCATION MALAYSIA  
SEKTOR OPERASI SEKOLAH  
SCHOOL OPERATIONAL SECTOR  
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA  
MINISTRY OF EDUCATION MALAYSIA  
ARAS 4, BLOK E2, KOMPLEKS E  
LEVEL 4, BLOCK E2, COMPLEX E  
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN  
FEDERAL GOVERNMENT ADMINISTRATIVE CENTRE  
62604 PUTRAJAYA  
MALAYSIA

Tel : +603-8884 9302  
Faks : +603-8889 6680  
Website : <http://www.moe.gov.my/>

Ruj. Kami : KPM.100-1/3/2 Jld. 7 ( 95 )  
Tarikh : 2 Januari 2024

**Semua Ketua Bahagian  
Semua Pengarah Pendidikan Negeri**

YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan,

**SURAT SIARAN KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA BILANGAN 1 TAHUN 2024**

**PENGURUSAN PERMOHONAN BAGI PROJEK PEMBANGUNAN DI SEKOLAH  
KERAJAAN DAN SEKOLAH BANTUAN KERAJAAN YANG MENGGUNAKAN  
PERUNTUKAN PROJEK MESRA RAKYAT TAHUN 2023**

Surat siaran ini bertujuan memaklumkan berkenaan Pengurusan Permohonan bagi Projek Pembangunan di Sekolah Kerajaan (SK) dan Sekolah Bantuan Kerajaan (SBK) yang Menggunakan Peruntukan Projek Mesra Rakyat (PMR) Tahun 2023.

2. Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah menerima surat daripada Ketua Pengarah, Unit Penyelarasan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri [UPP.BK(S)/177/691/23/Klt. 24(3)] bertarikh 7 Julai 2023 berhubung peruntukan PMR tahun 2023.

3. Untuk makluman YBhg. Datuk/Dato'/tuan/puan, bagi tahun 2023, YAB Perdana Menteri bersetuju membenarkan Ahli Dewan Rakyat Kerajaan Persekutuan untuk memberikan sumbangan secara terus kepada Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) bagi SK dan Lembaga Pengelola Sekolah (LPS) bagi SBK dengan had maksimum sebanyak Ringgit Malaysia Dua Ratus Ribu (RM200,000.00) sahaja untuk melaksanakan perkara yang berikut:

- i. kerja ubah suai;
- ii. pembekalan dan naik taraf sekolah; dan
- iii. bina baharu surau sekolah.

4. Sehubungan dengan itu, atas faktor kesegeraan dalam memberikan kelulusan terhadap permohonan projek pembangunan di SK dan SBK yang menggunakan peruntukan PMR pada tahun 2023 ini, YB Menteri Pendidikan melalui Warta Kerajaan Persekutuan: Perwakilan Kuasa di bawah Seksyen 5 Akta Perwakilan Kuasa 1956 [Akta 358] [P.U. (B) 529] bertarikh 29 November 2023 telah mewakilkan kuasa kepada Pendaftar Institusi Pendidikan dan Guru bagi setiap negeri untuk mengurus dan memberikan kelulusan tersebut.

5. Berikutan dengan itu, YBhg. Datuk/Dato'/tuan/puan adalah dimohon untuk menguruskan setiap permohonan dengan merujuk kepada Garis Panduan dan Peraturan bagi Perancangan Bangunan Edisi Tahun 2015 oleh Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri dan Surat Pengesahan Keluasan Maksimum Ruang Lantai Sekolah Rendah dan Sekolah Menengah Edisi Terkini [EPU.600-19/2/25(18)] bertarikh 14 September 2022 serta memastikan setiap permohonan mematuhi peraturan yang sedang berkuat kuasa.

6. YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan juga hendaklah memastikan pihak sekolah mematuhi syarat-syarat seperti yang berikut:

- i. Anggaran kos projek adalah dibiayai sepenuhnya melalui peruntukan PMR tahun 2023 yang disalurkan kepada PIBG atau LPS. KPM tidak boleh dipertanggungjawabkan sekiranya timbul masalah kewangan akibat projek pembangunan tersebut;
- ii. PIBG atau LPS hendaklah bertanggungjawab sepenuhnya ke atas projek pembangunan yang dicadangkan;
- iii. Pengetua/ Guru besar/ PIBG boleh terlibat sebagai pengurus projek tetapi tidak boleh memasuki apa-apa perjanjian/ kontrak/ aku janji berkaitan dengan projek pembangunan yang dicadangkan. Seperti yang dijelaskan dalam Surat Pekeliling Ikhtisas Bilangan 4 Tahun 2004: Perlembagaan Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) bertarikh 10 Jun 2004, PIBG bukanlah suatu entiti undang-undang dan tidak mempunyai keupayaan juridikal untuk membuat kontrak, perjanjian atau memorandum persefahaman, atas namanya sendiri;
- iv. LPS seperti PIBG juga bukan suatu entiti undang-undang. Walau bagaimanapun, bagi LPS yang mempunyai pemegang amanah, ia boleh atas nama pemegang amanahnya, memasuki perjanjian/ kontrak yang mengikat di bawah undang-undang bagi melantik pihak ketiga untuk melaksanakan projek pembangunan terlibat. Bagi LPS yang tidak mempunyai pemegang amanah, ia kekal tidak boleh memasuki perjanjian/ kontrak kecuali melalui pelantikan pemegang amanah sewajarnya. Sekiranya SBK bukan terletak atas tanah milik LPS, adalah menjadi kewajipan LPS untuk memastikan kebenaran tuan tanah berkenaan diperoleh terlebih dahulu;

- v. Skop projek yang dibenarkan adalah kerja ubah suai, pembekalan dan naik taraf sekolah serta bina baharu surau sekolah berdasarkan amaun yang disalurkan oleh Ahli Dewan Rakyat Kerajaan Persekutuan kepada PIBG/ LPS dengan had siling maksimum sebanyak Ringgit Malaysia Dua Ratus Ribu (RM200,000.00) sahaja;
- vi. Projek pembangunan yang dicadangkan hendaklah mendapat kelulusan semua pihak yang berwajib dan mematuhi semua syarat yang digariskan oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT);
- vii. Projek pembangunan hendaklah selaras dengan pelan yang dikemukakan dalam permohonan asal kepada JPN;
- viii. Pengetua/ Guru besar/ PIBG/ LPS diingatkan supaya tidak mendedahkan diri dalam sebarang aktiviti yang menyebabkan tindakan undang-undang diambil terhadapnya;
- ix. Projek pembangunan hendaklah dimulakan setelah peruntukan PMR tahun 2023 diterima bagi mengelakkan projek terbengkalai;
- x. PIBG atau LPS hendaklah mengemukakan pelaporan berkenaan prestasi kewangan dan prestasi kerja projek yang dilaksanakan berserta dokumen sokongan yang berkaitan kepada PPD dan JPN;
- xi. Pihak sekolah bertanggungjawab memastikan aspek keselamatan serta proses pengajaran dan pembelajaran tidak terganggu semasa projek pembangunan sedang dijalankan;
- xii. Kelulusan ini adalah tertakluk kepada tempoh masa selama 2 tahun dari tarikh kelulusan oleh Pendaftar. Sekiranya tiada sebarang tindakan dalam tempoh tersebut maka kelulusan ini adalah terbatal; dan
- xiii. KPM berhak untuk menambah atau meminda sebarang syarat yang telah ditetapkan tertakluk kepada keperluan dan situasi semasa tanpa notis.

7. YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan hendaklah memastikan bahawa semua syarat yang disenaraikan dipatuhi sepenuhnya oleh pihak PIBG dan LPS yang terlibat. Pihak PIBG dan LPS bertanggungjawab sepenuhnya bagi memastikan projek pembangunan di SK dan SBK yang menggunakan peruntukan PMR 2023 dilaksanakan secara teratur dari segi undang-undang. KPM adalah tidak bertanggungan bagi apa-apa tindakan undang-undang berbangkit daripada pelaksanaan projek pembangunan berkenaan dengan mana-mana pihak ketiga dan tidak bertanggungan bagi implikasi kewangan selain yang diluluskan bagi pelaksanaan projek pembangunan terlibat.

8. Surat kelulusan bagi setiap permohonan hendaklah disalinkan kepada Ketua Setiausaha KPM, Ketua Pendaftar Institusi Pendidikan dan Guru dan Pengarah Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan untuk direkodkan.

9. Bersama-sama surat siaran ini disertakan Senarai Semak Permohonan dan Carta Alir bagi Permohonan Projek Pembangunan Menggunakan Peruntukan Projek Mesra Rakyat (PMR) Tahun 2023 seperti dalam **Lampiran A** dan **Lampiran B** sebagai rujukan kepada semua pegawai di bahagian KPM, jabatan pendidikan negeri (JPN), pejabat pendidikan daerah (PPD) dan sekolah bawah KPM.

10. Surat siaran ini **berkuat kuasa serta-merta** mulai pada tarikh surat siaran ini dikeluarkan dan pemakaianya hanyalah bagi projek pembangunan yang menggunakan peruntukan PMR tahun 2023 sahaja.

11. YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan hendaklah mengambil tindakan dan memastikan kandungan surat siaran ini dilaksanakan oleh semua pegawai yang bertanggungjawab di bahagian KPM, JPN, PPD dan sekolah bawah pentadbiran YBhg. Datuk/Dato'/tuan/puan.

Sekian, terima kasih.

**“MALAYSIA MADANI”**

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,

  
**(HAJI AZMAN BIN HAJI ADNAN)**

Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia

Sektor Operasi Sekolah

merangkap Timbalan Ketua Pendaftar Institusi Pendidikan dan Guru  
Kementerian Pendidikan Malaysia

- s.k. 1. YB Menteri Pendidikan  
Kementerian Pendidikan Malaysia
2. YB Timbalan Menteri Pendidikan  
Kementerian Pendidikan Malaysia
3. Ketua Setiausaha  
Kementerian Pendidikan Malaysia

4. Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia  
Kementerian Pendidikan Malaysia
5. Semua Timbalan Ketua Setiausaha  
Kementerian Pendidikan Malaysia
6. Semua Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia  
Kementerian Pendidikan Malaysia
7. Penasihat Undang-Undang  
Kementerian Pendidikan Malaysia

### SENARAI SEMAK PERMOHONAN

Kod/Nama sekolah: \_\_\_\_\_ Negeri: \_\_\_\_\_

Tajuk Permohonan:

---



---

Jenis permohonan: Pembinaan/Perpindahan/Tukar Status/Tukar Guna/Fungsi

BIL.	PERKARA	STATUS (✓)		CATATAN
		ADA	TIADA	
1.	Nama, Tempat dan Tarikh Mesyuarat			
2.	Tajuk Permohonan, Alamat Sekolah, Nombor Telefon Sekolah			
3.	Maklumat Sekolah (EMIS)			
4.	<b>Profil Sekolah:</b>			
	i. Tahun penubuhan			
	ii. Status sekolah			
	iii. Status tanah			
	iv. Nombor hakmilik/Lot			
	v. Daerah/Mukim			
	vi. Keluasan tapak			
	vii. Kawasan tadahan sekolah (perumahan, kampung, dll.)			
	viii. Sekolah di sekitar (radius 7 km)			
5.	Sekolah berhampiran ( <i>Google Maps</i> )			
6.	<b>Maklumat enrolmen murid</b>			
	i. <b>Enrolmen</b> murid keseluruhan (termasuk 3 tahun ke belakang)			
	ii. <b>Enrolmen</b> murid mengikut kaum (termasuk 3 tahun ke belakang)			
	iii. <b>Enrolmen</b> murid Islam/ bukan Islam (termasuk 3 tahun ke belakang)			
	iv. <b>Unjuran</b> murid keseluruhan (termasuk 3 tahun ke hadapan)			
	v. <b>Unjuran</b> murid mengikut kaum (termasuk 3 tahun ke hadapan)			
	vi. <b>Unjuran</b> murid Islam/ bukan Islam (termasuk 3 tahun ke hadapan)			

BIL.	PERKARA	STATUS (✓)		CATATAN
		ADA	TIADA	
7.	Brif bangunan sedia ada (EMIS)			
8.	Punca kuasa permohonan			
9.	Justifikasi permohonan			
10.	<b>Maklumat keadaan fizikal ruang sedia ada yang berkaitan dengan permohonan</b>			
11.	<b>Perancangan kegunaan ruang sedia ada yang berkaitan dengan permohonan</b>			
12.	<b>Maklumat tapak yang dicadangkan untuk projek pembangunan</b>			
13.	Brif projek yang dicadangkan			
14.	Ulasan Bahagian/JPN			
15.	<b>Senarai Dokumen Permohonan</b>			
	(i) Surat permohonan sekolah kepada JPN melalui PPD			
	(ii) Surat sokongan JPN kepada BPPDP			
	(iii) Surat akuan setuju biaya projek			
	(iv) Surat akuan setuju serah projek yang telah siap			
	(v) Surat akuan setuju biaya kos penyelenggaran projek yang telah siap			
	(vi) Surat pengesahan "Submission Drawing" oleh SIP			
	(vii) Surat pengesahan daripada PPD berhubung premis/ruang yang tidak digunakan			
	(viii) Surat pengesahan keselamatan berhubung premis/ruang yang tidak digunakan (JKR/pihak berautoriti)			
	(ix) Surat ulasan daripada Bahagian/Agensi yang berkaitan berhubung permohonan projek yang dicadangkan			
	(x) Surat kelulusan kebenaran merancang (KM) daripada PBT			
	(xi) Surat kebenaran syor roboh daripada JKR/pihak berautoriti			
	(xii) Surat pengesahan keselamatan daripada Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM)			

BIL.	PERKARA	STATUS (✓)		CATATAN
		ADA	TIADA	
	(xiii) Minit mesyuarat LPS dan/atau PIBG berhubung cadangan projek			
	(xiv) Dokumen geran/maklumat pemilikan tanah/tapak			
	(xv) Dokumen/ Sijil perakuan arah kiblat			
	(xvi) Pelan projek/bangunan yang telah disahkan oleh arkitek/jurutera bertauliah			
	(xvii) <i>Bill of Quantity</i> (BQ) bagi projek yang dicadangkan			
	(xviii) Pelan sekolah dan tapak cadangan projek			
	(xix) Pelan lantai/susun atur ruang sedia ada			
	(xx) Pelan lantai/susun atur ruang yang dicadangkan			
	(xxi) Gambar ruang/premis sedia ada yang berkaitan dengan permohonan			
	(xxii) Gambar aktiviti di ruang/premis sedia ada yang berkaitan dengan permohonan			
	(xxiii) Gambar lokasi projek yang dicadangkan			
	(xxiv) Maklumat sumber kewangan projek			
	(a) anggaran kos projek			
	(b) sumber kewangan			
	(c) nama akaun			
	(d) nombor akaun			
	(xxv) Perancangan untuk mengumpul dana (sekiranya dana belum mencukupi)			
	(xxvi) Penyata kewangan LPS/PIBG sekolah			
	<b>Dokumen-Dokumen Tambahan</b>			
16.	<b>Pemasangan Panel Solar (SBK)</b>			
	(i) Bukti permohonan atas talian oleh sekolah untuk kuota komuniti SEDA (untuk panel solar)			
	(ii) Pelan struktur panel dan saiz			
	(iii) Pelan lokasi pemasangan struktur			
	Dokumen perjanjian antara LPS/Alumni dengan service provider			
	(i) Manfaat kepada pihak sekolah			
	(ii) Tempoh pemasangan struktur			

BIL.	PERKARA	STATUS (✓)		CATATAN
		ADA	TIADA	
	(iii) Surat jaminan penyelenggaraan dan merungkai struktur			
	(iv) Surat pengesahan keselamatan struktur dan bumbung untuk pemasangan oleh jurutera bertauliah			

**Ulasan Urus Setia:**

Lengkap untuk diperakukan

Tidak lengkap untuk diperakukan

**Catatan (sekiranya ada):**

---



---




---

Nama : \_\_\_\_\_

Tarikh : \_\_\_\_\_

**Carta Alir Bagi Permohonan Projek Pembangunan Menggunakan Peruntukan Projek Mesra Rakyat (PMR) Tahun 2023**



**Proses Kerja bagi Permohonan Projek Pembangunan Menggunakan Peruntukan  
Projek Mesra Rakyat (PMR) Tahun 2023**

BIL.	PROSES KERJA	TINDAKAN	CATATAN/ DOKUMEN
1.	Pengetua/Guru besar mengemukakan permohonan secara bertulis kepada PPD	Sekolah PPD	<ul style="list-style-type: none"> <li>(i) Dokumen yang lengkap.</li> <li>(ii) Bukti persetujuan LPS/PIBG/pembialya.</li> </ul>
2.	Menyemak dokumen untuk permohonan	Sekolah PPD	<p>Dokumen yang lengkap:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>(i) Surat permohonan bagi cadangan projek pembinaan bangunan baharu/gantian/tambahan/ubah suai naik taraf.</li> <li>(ii) Perincian projek yang dicadangkan.</li> <li>(iii) Surat kebenaran LPS untuk melaksanakan projek bagi sekolah bantuan kerajaan (sekranya projek dicadangkan oleh pihak lain).</li> <li>(iv) Surat kebenaran pemilik tanah (jika berkaitan).</li> <li>(v) Surat persetujuan membiaya kos pembinaan/ubah suai naik taraf daripada pihak pembiaya/LPS.</li> <li>(vi) Sijil carian hak milik tanah.</li> <li>(vii) Pelan pembinaan / ubah suai naik taraf yang telah disahkan oleh arkitek atau jurutera bertauliah.</li> <li>(viii) Kebenaran Merancang daripada Pihak Berkuasa Tempatan bagi negeri-negeri tertentu (jika berkaitan).</li> <li>(ix) Laporan keselamatan bangunan oleh JKR atau pihak berautoriti sekranya bangunan tidak selamat digunakan (jika berkaitan).</li> <li>(x) Surat pengesahan syor roboh daripada JKR sekranya bangunan yang berkenaan perlu dirobohkan (jika berkaitan).</li> <li>(xi) Persetujuan oleh pihak LPS/pembialya untuk menyerahkan bangunan yang telah siap dibina kepada pentadbir sekolah.</li> <li>(xii) Surat persetujuan LPS/pembialya untuk menanggung kos penyelenggaraan bangunan yang dibina setelah diberikan kepada pentadbir sekolah.</li> </ul>

BIL.	PROSES KERJA	TINDAKAN	CATATAN/ DOKUMEN
3.	PPD mengemukakan permohonan berserta surat sokongan Ketua PPD untuk perakuan permohonan kepada Jawatankuasa Pelaksanaan Projek Pembangunan (JPPP) JPN	PPD JPN	(i) Sekiranya didapati cadangan projek pembinaan/ubah suai naik taraf tersebut tidak memenuhi atau melebihi keperluan maka sejawarnya permohonan tersebut tidak disokong PPD/JPN. (ii) Surat sokongan Ketua PPD .
4.	PPD membentangkan permohonan dalam Mesyuarat JPPP	PPD JPN	Dokumentasi pembentangan dan dokumen sokongan lengkap.
5.	JPPP membuat penelitian dan perakuan bagi permohonan yang dikemukakan	JPN	(i) Surat pemakluman keputusan perakuan mesyuarat JPPP. (ii) Minit mesyuarat.
6.	Mendapatkan pertimbangan Pendaftar Institusi Pendidikan dan Guru (PIPG)	PIPG JPN	Keputusan PIPG.
7.	Pendaftar mengeluarkan surat pemakluman keputusan kepada Ketua PPD serta disalankan kepada KSU, KPIPG dan BPPDP	JPN PPD Sekolah	Surat pemakluman keputusan.
8.	Ketua PPD memaklumkan keputusan kepada pihak sekolah	PPD Sekolah	Surat pemakluman keputusan.